**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DESIRE - BIL. 3/2009**

| | |
|---|---|
| Tarikh: | 24 Julai 2009 (Jumaat) |
| Masa: | 9.00 pagi |
| Tempat: | Dewan Perdana<br>Tingkat 16, Blok 9<br>Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta,<br>Kuala Lumpur |

**Kehadiran:**

| **PEGAWAI LHNDM** | | |
|---|---|---|
| 1. | YBhg Dato' Dr. Mohd.Shukor Bin Hj.Mahfar | Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian)<br>**(Pengerusi)** |
| 2. | Encik Sabin @ Sapilin Bin Samitah | Pengarah Pejabat Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| 3. | Encik Mahmood Bin Daud | Pengarah Pejabat Negeri Wilayah Persekutuan PutraJaya |
| 4. | Encik Mohammad Sait Bin Ahmad | Pengarah Jabatan Operasi Cukai |
| 5. | Puan Asriah Shaari | Pengarah Pejabat Negeri Selangor |
| 6. | Puan Mariam Binti Mohd | Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat |
| 7. | Cik Puteh Mariah Bt. Harun | Pengarah Jabatan Pungutan Hasil |
| 8. | Puan Rozina Bt.Shaik Osman Merican | Pengarah Jabatan Khidmat Korporat |
| 9. | Puan Teoh Ai Suan | Pengarah Bahagian Duti Setem,<br>Jabatan Operasi Cukai |
| 10. | Encik Sani Bin Mohd Taib | Pengarah Bahagian Aplikasi e-Services,<br>Jabatan Teknologi Maklumat |
| 11. | Encik Yeoh Char Tong | Pengarah Bahagian Polisi & Penyeliaan Audit Cukai, Jabatan Pematuhan Cukai |
| 12. | Puan Salamatunnajan Bt Besah | Pengarah Jabatan Pemprosesan Maklumat |

| | | |
|---|---|---|
| 13. | Puan Umi Kalsom Bt Harun | Pengarah Bahagian Pembangunan, Jabatan Pungutan Hasil |
| 14. | Cik Norhayati Mat Kassim | Pengarah Bahagian Pembangunan Operasi, Jabatan Operasi Cukai Jabatan Operasi Cukai |
| 15. | Puan Wan Saodah Bt Wan Abu Bakar | Pengarah, Bahagian Pengurusan Pelanggan, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia) |
| 16. | Puan Ooi Chooi Peng | Penolong Pengarah, Bahagian Dasar & Operasi, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia) |
| 17. | Puan Muzlifah Bt.Musa | Pegawai Hasil, Jabatan Teknologi Maklumat (Urus setia) |
| 18. | Puan Bavani Joseph | Penolong Pegawai Hasil, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia) |
| **WAKIL DIGICERT** | | |
| 23. | Y. Bhg Dato' Noor Azli Othman | |
| 24. | Encik Amir Suhaimi Hassan | |
| 25. | Encik Mohd Diah A Karim | |
| 26. | Encik Nik Kariman Nik Ismail | |
| **WAKIL PERSATUAN AKAUNTAN & PENYEDIA PERISIAN** | | |
| 26. | Dr. Veerinderjeet Singh | Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) |
| 27. | Encik Lim Kah Fan | CTIM |
| 28. | Cik Sim Pei Sheng | CTIM |
| 29. | Encik Lim Kok Seng | CTIM |
| 30. | Dato' Raymond Liew Lee Leong | Malaysian Institute of Accountants (MIA) |
| 31. | Puan Heather Khoo | MIA |
| 32. | Puan Azlina Bt. Zakaria | MIA |
| 33. | Puan Cheong Li Wei | MIA |

| | | |
|---|---|---|
| 34. | Puan Tong Siew Choo | Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) |
| 35. | Encik Beh Tok Koay | MIA & MICPA |
| 36. | Encik Mohamed Zamani Bin Ismail | Malaysian Association of Tax Agents (MATA) |
| 37. | Puan Suriany Bt. Samsudin | MATA |
| 38. | Puan Haslinda Bt. Azman | MATA |
| 39. | Cik Lee Saw Har | Pricewaterhouse Coopers |
| 40. | Encik Lau Haw Chong | Malaysian Association of Company Secretaries (MACS) |
| 41. | Tuan Haji Osman Bin Ujang | MACS |
| 42. | Dato Haji Mohd Sahir bin Sanawi | The Institute Of Cooperative & Management Accountants (ICMA) |
| 43. | Tuan Haji Aziz Tahir | ICMA |
| 44. | Puan Asma Rina Abdul Rahman | ICMA |
| 45. | Encik Aizam Abdul Aziz | ICMA |
| 46. | Encik Peter Lim Thiam Kee | Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administrators (MAICSA) |
| 47. | Encik Ong Whee Tiong | MAICSA |
| 48. | Puan Devi Krishna | MAICSA |

## 1. PENDAHULUAN

YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat dari wakil Persatuan Akauntan, Digicert dan juga pegawai LHDNM dari pelbagai Jabatan dan Bahagian.

## 2. PENGESAHAN CATATAN MINIT MESYUARAT BIL. 2/2009

**Minit mesyuarat Bil. 2/2009 disahkan dengan pindaan berikut:**

- **Perenggan 2.10**

  Ejaan 'CONTIGENCY' dipinda kepada 'CONTINGENCY'.

- **Perenggan 2.24**

  Ayat kepada jawapan LHDNM untuk perkara 2.24 (a) "............CTIM tidak mahu ejen cukai didaftarkan dalam.........." dipinda kepada ".............ejen cukai tidak dibenarkan mendaftar ..........."

## 3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

**Isu Yang Dibangkit Oleh CTIM**

| | |
|---|---|
| **I** | **2009 Filing** |

### 3.1 Perkara 1.0 CHANGE MANAGEMENT PROCEDURES

We were informed by the service providers that there are still changes made to (or errors occurred in) e-C2008 and e-R2008 in the e-Latihan but we have not been informed. We would like to clarify whether the problems are caused by the addition of new e-forms to the system.

***LHDNM:***
***Untuk Tahun Taksiran 2008, perubahan logik dibuat untuk menjadikan maklumat berkaitan No. Pengenalan, No. Pasport dan No. Pendaftaran bagi Pemegang Syer Utama kepada TIDAK MANDATORI.***
***Perubahan yang sama juga dilakukan untuk Tahun Taksiran 2009 dan telah dimaklumkan kepada CTIM dan SPTA pada 17 Julai 2009.***

| II | YA 2009 Issues |
|---|---|

**3.2 Perkara 1.0 YA 2009 Form e-C & e-R**

During the SPTA meeting held on 17 June, 2009, it was agreed that the IRB would release e-C 2009 and e-R 2009 in e-Latihan by 24 June 2009 for practitioners and software service providers' review and testing. Although the e-C2009 and e-R2009 are available since 25 June 2009 in e-Latihan, it appears that they are not functioning properly. To date, the Institute has not been informed of any updates on this.

**LHDNM:**

***Semua isu dan masalah berkenaan Borang e-C dan e-R yang dilaporkan telah diatasi dan telah dimaklumkan kepada SPTA dan juga wakil Desire melalui e-mel pada 17/07/09.***
***LHDNM juga minta supaya semua isu / masalah berkaitan sistem dikemukakan ke meja bantuan helpitef@hasil.gov.my seperti yang telah dipersetujui. LHDNM masih menerima pertanyaan / aduan yang disampaikan terus kepada pegawai. Atas sebab itu, tindakan ke atas isu berkenaan mungkin tidak dapat diatasi dengan segera kerana bergantung kepada 'availability' pegawai tersebut.***
***Mesyuarat memutuskan:***

***i. Bahawa semua isu / masalah dihantar kepada meja bantuan, iaitu:***

***helpitef@hasil.gov.my***

***ii. Salinan isu / masalah disalinkan kepada urus setia:***

***wsaodah@hasil.gov.my***

***iii. Maklum balas LHDNM akan disalurkan kepada wakil persatuan:***

**1. CTIM**
**annvong@ctim.org.my**
**kslim@ctim.org.my**
**technical@ctim.org.my**

**2. MIA**
**heather.khoo@pwc.com.my**
**taxation@mia.org.my**

**3. MICPA**
**chrystin.tech@micpa.com.my**
**sctongco25k@yahoo.com**

4. **MATA**
   **mata@mata. org.my**
   **aimwcsb@gmail.com**
   **zamani@khidmatax.com.my**

5. **MAICSA**
   **wtiong@pc.jaring.my**
   **devi@maicsa.org.my**

6. **MACS**
   **macs@po.jaring.my**
   **hcltax@gmail.com**

7. **PRICEWATERHOUSE COOPERS**
   **carmen.sh.lee@my.pwc.com**

8. **KPMG**
   **peishengsim@kpmg.com.my**

9. **Ernst & Young**
   **Chee-Shiong.Ng@my.ey.com**

10. **Deloitte**
    **terenceng@deloitte.com**

**3.3 Perkara 2.0 2009 FORM E/ CP8D**

The Institute would like to know whether there are any changes in Form E / CP8D. It is the view of the Institute that the Form E and Form CP8D are too onerous and administratively burdensome. Notwithstanding the purported purpose of audit facilitation, the tax collections from BE cases are minimal. Therefore, it is not cost effective (for both the IRB and the taxpayers) to focus resources on employment income and the collection of PCB. Ways and means need to be developed to find a more efficient manner of retrieving such information.

The Institute would suggest that the IRB replace the E Return (i.e. Employers Return) with the submission of a simplified statement as the information concerned can be accessed through other means.

***LHDNM:***

***Format Borang E 2009 dijangka sama seperti Borang E 2008. Ini kerana kebanyakan majikan telah mula membuat pindaan ke atas sistem masing-masing berdasarkan format Borang E 2008 termasuk Borang C.P. 8D. Lanjutan masa dan konsesi telah diberi kepada majikan untuk mengisi Borang C.P. 8D tahun saraan 2008 memandangkan kebanyakan majikan menghadapi masalah kesuntukan masa untuk mengubah sistem yang sedia ada.***
***Sekiranya Borang E 2009 dipinda lagi, ini akan memberi masalah (dari segi masa dan kos) kepada majikan.***

***Walau bagaimanapun, LHDNM akan mengkaji cadangan mempermudahkan lagi Borang E serta keperluan ruangan "Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai" dengan Jabatan Dasar Percukaian dan jika perlu, Kementerian Kewangan.***

## III Other Issues

**3.4 Perkara 1.0 SEPARATE E-FILING LOGINS**

The following is an issue for certain taxpayers who do not appoint tax agents. These taxpayers are small companies which do not require tax agents' services as the tax returns are too simple, and the large groups of companies have their own in-house tax department.

Under the taxpayer's module of e-Filing, a corporate tax returns (eC/eR) will be digitally signed by an authorised representative of the company (usually the company's director or financial controller). However, the e-Filing system does not differentiate the individual's login for personal tax returns and for corporate tax returns. If the representative also e-files his personal tax returns, the same login will be used. The current design of the e-Filing system does not allow for someone to apply for two different e-Filing logins. Hence, the authorised representative would not wish to share his e-Filing logins with anyone else (such as the tax department or finance department which is preparing the company's tax returns), as this would enable others to access/retrieve his personal tax returns submitted in the past. The same problem may arise if the individuals represent more than one company and those companies are not related.

The Institutes would suggest that the IRB considers separate e-Filing logins be made available based on each taxpayer's tax file number (for example, in the case of corporate tax returns e-C and e-R, based on each company's tax file number). The e-returns should be associated to the

taxpayer entity's login (and not the authorized personnel) because the authorised personnel for an entity will change over time.

Under the current e-filing system (taxpayer's module), the entity's e-returns will be "owned" by the authorised personnel who digitally signed the e-forms (i.e. the e-returns are tagged to that individual's login). Hence, the entity may face problems in retrieving its past e-returns submitted if that authorised personnel had left the entity (who had also changed his/her password).

The Institute would not favour a two-level password access [#1-company #2-authorised director] as it is cumbersome and will slow down the filing process. A single-level access as proposed above will suffice to resolve the security issue.

The Institute would like to stress that this is not an issue for the tax agents. It is an issue for taxpayers who do not engage tax agents.

***LHDNM:***

***LHDNM sedang memperhalusi keperluan sistem dan undang-undang dalam pengeluaran sijil digital (PKI) atas nama syarikat.***

**3.5 Perkara 2.0 PREPOPULATED E-BE**

The Institute understands that the IRB is contemplating on pre-populating the e-BE. The Institute would like to know further details of the plan and what are expected from the employers. The Institute is of the view that early disclosure will allow the parties involved, including the employers and employees, to be better prepared.

***LHDNM:***

***Perkara ini masih memerlukan kajian dan penyelidikan yang lebih mendalam dan jika dilaksanakan juga dalam tahun 2010, ianya akan dilakukan secara berperingkat-peringkat.***

| SUPPLEMENTARY ISSUES FOR DESIRE MEETING NO. 3/2009 |
| --- |

| I | 2009 Filing |
| --- | --- |

**3.6** Perkara 1.0 DIFFERENCE BETWEEN E-LATIHAN AND E-PRODUCTION

We were informed in the previous meeting that the e-Latihan and e-Production are identical and any changes will be introduced to the e-Latihan first for testing before posting to the e-Production environment. We have found on 21 July that the dropdown for Pilihan Jenis Borang in e-Latihan and e-Production are different. (Please refer to the screen shots attached.) The issues are:

(i) the Institute and the software providers were not informed of the changes made in the production environment.

(ii) changes directly made to the production environment leads to problems as service providers developed their software integration based on the e-Latihan format. Further the Institute would like to enquire whether those direct changes/rectifications have been tested before being uploaded to the Production environment.

***LHDNM:***

***Pengerusi meminta JTM memaklumkan segala perubahan, sama ada teknikal mahupun kosmetik kepada CTIM dan SPTA. JTM juga akan memastikan versi di e-Latihan dan di produksi adalah sama dan segala perubahan akan dilakukan di e-Latihan dahulu.***

***Tindakan: JTM***

**3.7** Perkara 2.0 SUMMARY OF REPLY TO E-FILING ISSUE

We refer to the email from Cik Hasmiza Yob of IRB in respect of the summary of reply to e-filing issues that were raised by various users (as per attached). Some comments are highlighted below:

Item 1 : The IRB replied that this is the first time they have launched two e-C and
e-R forms (for 2008 and 2009) in the same year that resulted the technical glitch. The Institute is of the opinion that this should have been tested and established when developing the e-C and e-R 2009. It indicates that the planning and testing were insufficient. Further, the introduction of e-2009

should never have been put to production environment without comprehensive testing on e-Latihan environment.

Item 3 & 4 : When the e-C & e-R 2009 were launched in e-Latihan on 25 June 2009, some service providers felt that the e-C & e-R 2009 were not ready for testing yet. The IRB has since not informed the service providers any updates on the system in e-Latihan. The Institute has emailed to IRB on 6 July asking for updates. There was no reply too. There was no communication on the rectification of errors at all to the service providers.

***LHDNM:***

***JTM akan memastikan perkara di atas tidak akan berulang lagi dengan melaksanakan Change Management yang lebih terkawal. Ini termasuk memberi maklum balas segera kepada sebarang masalah pengguna.***

***Tindakan: JTM***

| **II** | **Other Issues** |
|---|---|

**3.8** Perkara 1.0 E-FILING LOGINS BY STAFF WHO LEFT THE COMPANY

A manager of tax agent firm A has left the firm to join another tax firm B. He was removed from the user list of firm A TAeF setup for some time and is currently registered with firm B as a manager. However, whenever he logs in to TAeF system (production environment), the system will always prompt him to the "second level" of login page, where he has to select the firm from the dropdown list. The dropdown list includes A & B.

The issues are :

(i) why is firm A still being shown in the dropdown list when the name of the staff no longer appeared in the "Daftar Staf list of firm A TAeF setup?

(ii) why does the system bring him into the second level of login page? We were told this would only be applicable to "Ejen Cukai"!

***LHDNM:***

***Pihak Digicert telah menyemak serta melakukan ujian dari sistem TAeF berkenaan isu yang dilaporkan dan tiada sebarang masalah ditemui sama ada dari fungsi "Hapus Staf" atau "Hapus Ejen". Justeru itu pihak Digicert melakukan semakan kepada sampel rekod yang dilaporkan dan mendapati ianya adalah rekod yang dihapuskan***

***semasa awal-awal perlaksanaan multiple-firm. Pada awal perlaksanaan multiple firm, terdapat bugs dalam fungsi tersebut yang menyebabkan data dihapuskan secara tidak sempurna. Pihak Digicert juga telah menyemak semula rekod-rekod lain yang berkemungkinan menghadapi masalah yang sama dan didapati sebanyak 24 rekod yang dijumpai. Pihak Digicert mengambil langkah membersihkan data-data yang bermasalah ini.***

## 3.9 Pekara 2.0 TECHNICAL GLITCH

The Institute refers to the emails sent by Mr KS Lim to IRB on 6 July and 20 July 2009. The Institute would like to request that in future the IRB to issues a press release or informs the professional bodies immediately once a major technical glitch occurred and informs the Institute on a timely basis. This is useful to keep the stakeholders aware of what is going on and reduce the anxiety caused.

In addition, the Institute would like to bring the IRB's attention to the following:

(i) We are concerned as to whether the data retrieved (after the recovery was done) is 100% accurate/"original" as before, i.e. there won't be any partial data lost in certain items/fields. If the data previously keyed in the e-form is partially lost, user may not be aware of it, since the missing data are not reflected in the summary page (Setuju/Tidak Setuju page) during the "Tandatangan & Hantar" process. This will cause problems during a tax audit which will occur several years later.

(ii) There will be sufficient stock of the original hardcopy tax return forms readily available in all IRB Branches and tax agents are allowed to apply/request the forms for any of their clients. This is a very important contingency measure, judging from the fact that the e-filing system is not stable.

The Institute would appreciate if the IRB could advise the practitioners and taxpayers on the above matters.

***LHDNM:***

***i) JTM akan sentiasa memaklumkan sebarang pindaan yang dilakukan. Rujuk rumusan yang telah dihantar pada 23 Julai 2009.***

***ii) Borang kosong telah dibekalkan ke cawangan LHDNM***

**3.10 RETRIEVAL OF CURRENT FILING OF EX-CLIENT**

It was reported to us recently that a tax firm who use their ex-client's tax file number to test the TAeF production environment has been able to create multiple duplicates of e-C and e-R 2008 of the ex-client and retrieve the returns e-C and e-R 2008 which have been e-filed on November 2008 by the current tax agent. The e-C and e-R retrieved clearly show the current tax agents who file the e-returns! The issues are:

(i) how can the e-returns filed be retrieved by a person not originating/owning them (e-C and e-R 2008)?
(ii) how can an e-return which have been e-filed be created again in multiple duplicates?

If this is confirmed as bug/error (in the production environment), it will be worrying as the data confidentiality within the IRB's e-filing system is at risks.

***LHDNM:***

***JTM akan pastikan perkara ini tidak berulang lagi dan masalah di atas melibatkan satu kes (telah diselesaikan).***

***Tindakan: JTM***

__Isu Yang Dibangkit Oleh MACS__

**3.11 Borang R50 – Pilihan Untuk Mengabaikan Baki 108/Baki 108 Tersemak**

Difahamkan bahawa tiada sebarang Surat Pengesahan akan dikeluarkan selepas permohonan mengabaikan Baki 108 difailkan kepada LHDN.

Jika sesebuah Syarikat dari luar negeri memilih untuk mengabaikan Baki 108 dengan memfailkan (mengeposkan) BORANG R50 kepada LHDN [PUSAT PEMPROSESAN] *(contoh : fail Borang R50 pada Januari 2009),* bilakah Syarikat tersebut boleh mula mengedarkan SINGLE-TIER Dividen kepada pemegang saham syarikat?

***LHDNM:***

***Dividen satu peringkat ('single tier') boleh diisytiharkan selepas tarikh pengemukaan Borang R50 kepada LHDNM. Walaupun Borang R50 telah dikemukakan, Borang R masih perlu dikemukakan setiap tahun seperti mana dikehendaki di bawah seksyen 48 Peruntukan Peralihan dan Kecualian Akta Kewangan 2009 (Akta 693).***

***Surat pengesahan tidak dikeluarkan oleh LHDNM. Pembayar cukai syarikat (luar negeri) boleh membuat semakan melalui telefon atau e-mel ke alamat:***

***callcentre@hasil.gov.my***

**3.12 Seksyen 131 ACP 1967 Dan Seksyen 77B (Baru)**

Jika terdapat sebarang kesilapan dibuat di dalam perkiraan cukai (self-assessment) bagi sesuatu tahun taksiran, kesilapan perkiraan cukai tersebut boleh dibangkitkan melalui surat rayuan (appeal for revised assessment) berserta pengembalian borang nyata yang disemak-semula mengikut peruntukan Seksyen 131 ACP 1967. Di samping itu, sama ada peruntukan seksyen yang baru iaitu Seksyen 77B ACP 1967 juga perlu dipatuhi atau dikenakan semasa pengembalian borang nyata yang disemak-semula tersebut?

***LHDNM:***

***Pengenalan seksyen 77B adalah untuk pengendalian kes di mana pembayar cukai tertinggal melaporkan pendapatan, menuntut perbelanjaan yang tidak dibenarkan atau menuntut insentif yang tidak layak dituntut atau lain-lain yang melibatkan taksiran asal atau tambahan. Peruntukan seksyen ini hanya terpakai dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh ditetapkan bagi pengemukaan Borang Nyata asal.***

***Manakala seksyen 131 adalah berkaitan kesilapan (error and mistake) dilakukan semasa pengemukaan Borang Nyata dan taksiran yang disifatkan tersebut adalah berlebihan disebabkan kesilapan berkenaan (beban pembuktian terletak atas bahu pembayar cukai). Oleh itu tiada isu berbangkit berkaitan Borang Nyata Terpinda untuk kes rayuan di bawah seksyen 131.***

***YBhg Dato' Pengerusi menyarankan agar Jabatan Khidmat Korporat berbincang dengan Jabatan Dasar Percukaian untuk mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan perbezaan di antara dua seksyen berkenaan.***

***Tindakan: JKK***

**3.13 Penyerahan Borang Nyata Bagi Kes-kes Pembubaran Syarikat**

Jika sesebuah syarikat dalam proses pembubaran (winding-up) dan tiada sebarang punca pendapatan yang akan diterima lagi semasa pembubaran dijalankan, adakah Borang C berserta Borang R masih perlu dilaporkan?

Adakan Subseksyen 21A(3) ACP, 1967 dan Perenggan 3.6 Ketetapan Umum 7/2001 dipatuhi bagi situasi tersebut?

Adakah kemungkinan panduan yang akan diberikan dengan pengembalian Akaun beraudit sebelum permulaan pembubaran berserta Akaun Penyata Penerimaan dan bayaran (setiap 6 bulan – Borang 75) sahaja tanpa mengira tempoh asas bagi penghantaran Borang C dan Borang R?

***LHDNM:***

***Sama ada perlu hantar Borang C dan R atau tidak, pembayar cukai perlu memaklumkan kepada LHDNM melalui surat atau dokumen bahawa tiada pendapatan dan kes akan ditandakan sebagai 'NR' (no return). 'NR' tidak boleh ke belakang, sekiranya borang nyata dikeluarkan, kemungkinan menjadi kes tidak patuh.***

***Subseksyen 21A(3) dan Perenggan 3.6 Ketetapan Umum 7/2001 adalah berkaitan pertukaran tempoh perakaunan. Tidak berlaku pertukaran tempoh perakaunan dalam kes ini. Hanya apabila syarikat dalam proses pembubaran, Akaun Penyata Penerimaan (Borang 75) akan dikeluarkan setiap 6 bulan (berdasarkan tahun kalendar).***

***Jabatan Khidmat Korporat dikehendaki menyemak sama ada isu ini terdapat dalam FAQ atau tidak dan perlu membuat pengemaskinian***

***Tindakan: JKK***

**3.14 Cukai Pendapatan "Limited Liability Partnership"(LLP)**

Baru-baru ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ada memperkenalkan draf Akta Perkongsian yang baru iaitu "Limited Liability Partnership"(LLP). Adakah terdapat sebarang undang-undang mahupun layanan cukai terhadap perkongsian LLP pada masa akan datang?

***LHDNM:***

***Pada masa sekarang tiada peruntukan spesifik bagi layanan cukai ke atas LLP di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Kajian layanan cukai terhadap LLP sedang dilakukan oleh LHDNM bersama-sama dengan LOFSA untuk menentukan keberkesanannya.***

***Tindakan: JPD***

**Isu Yang Dibangkit Oleh MICPA**

**3.15** Income from REIT received by an individual is subject to a final withholding tax of 15% (10% from YA 2009), hence, the individual is not required to declare the income in his tax return. However, there are situations where a fund manager (a corporation) invest funds in REIT on behalf of an individual client. The fund manager would receive distribution from REIT without withholding tax and thereafter distribute the REIT income at gross to the individual. The individual in this case is required to declare the REIT income in his tax return but the form has no column for calculation of tax at 15%.

The Institute suggests to insert a row in the tax return for other income with tax rates to be filled in whenever applicable which may allow the correct amount of tax payable to be computed.

***LHDNM:***

***Isu ini akan dikemukakan ke Jabatan Dasar Percukaian untuk tindakan sewajarnya.***

***Tindakan: JDP***

**4. HAL-HAL LAIN**

**4.1 Time Line e-Filing**

4.1.1 YBhg Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa Bajet 2010 yang telah dijadual pada 23 Oktober 2009 adalah lewat lebih kurang 2 bulan berbanding dengan tahun lepas.

4.1.2 **TIMELINE e-FILING 2010 (B, BE & M)**

| Bil. | *TASK* | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | Ucapan Bajet 2010 oleh YAB Menteri Kewangan | 23/10/2009 |
| 2 | Penyediaan draf akhir semua jenis borang, Pengemaskinian borang elektronik, Pengemaskinian sistem | 30/11/2009 |
| 3 | Pengujian oleh SPTA dalam e-Latihan dan kerja membetul serta memperhalusi borang eletronik dan sistem | 17/02/2010 |
| 4 | Memasukkan borang elektronik ke dalam *production* | 01/03/2010 |

4.1.3 **Timeline host to host application**

| Bil. | *TASK* | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | Penerangan kepada SPTA | 19/08/2009 |
| 2 | Penerangan dan perbincangan dgn SPTA sebelum masuk eLatihan | 27/11/2009 |
| 3 | Deploy ke eLatihan | 01/12/2009 |
| 4 | Maklum balas dari user & SPTA | 01/12/2009 hingga 05/02/2010 |
| 5 | Deploy ke Production | 15/02/2010 |

4.1.4 **Timeline TAeF CP204**

| Bil. | *TASK* | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | Deploy ke e-Latihan | 01/09/2009 |
| 2 | Maklumbalas user & SPTA | 01/09/2009 hingga 11/09/2009 |
| 3 | Deploy ke Production | 16/09/2009 |

4.1.5 Dr. Veerinderjeet berharap tarikh pelancaran e-Filing dapat dipercepatkan. YBhg Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa LHDNM akan cuba untuk mempercepatkan tarikh e-Filing tetapi yang penting adalah mengubah sikap pembayar cukai yang suka memfailkan borang nyata pada saat-saat terakhir.

## 4.2 Borang Nyata Terpinda

Draf Borang Nyata Terpinda untuk C dan C1 2009 telah disediakan dan diedar kepada persatuan akauntan untuk makluman dan semakan. Sebarang maklum balas atau cadangan (jika ada) perlu dihantar ke Jabatan Operasi Cukai pada atau sebelum **31 Julai 2009**.

## 4.3 Borang EA & EC

4.3.1 Terdapat sebilangan besar pembayar cukai yang datang ke pejabat LHDNM untuk membuat e-Filing memberi alasan baru menerima Borang EA atau EC daripada majikan masing-masing. Encik Mohammad Sait menyarankan agar majikan menyediakan borang ini pada awal tahun supaya pembayar cukai terlibat dapat

memfailkan borang nyata mereka dengan lebih awal. Ini boleh mengelakkan kesesakan pada minggu terakhir bulan April.

4.3.2 Ejen cukai juga disaran untuk menasihatkan pelanggan masing-masing untuk melaporkan pendapatan penggajian mereka berdasarkan slip gaji kerana kebanyakan kes mereka adalah jelas dan mudah.

4.3.3 Dr. Veerinderjeet menyarankan agar LHDNM memaklumkan kepada semua pembayar cukai berkenaan kebenaran menggunakan slip gaji sebagai gantian Borang EA dan EC.

**Tindakan: JKK**

## 4.4 Helaian Kerja HK-3

Helaian Kerja HK-3 hanya untuk pembayar cukai individu sahaja, manakala Lampiran B1 adalah untuk kegunaan pembayar cukai syarikat tetapi secara offline.

## 4.5 Borang CP 7

Borang CP 7 disediakan bagi memudahkan pembayar cukai syarikat dorman untuk memperoleh surat penyelesaian dalam tempoh moratorium SSM, iaitu dari 1 April 2009 sehingga 30 September 2009. Pembayar cukai hanya perlu mengisi Borang CP 7 bagi menggantikan penyata akaun. Syarikat yang tidak mempunyai No. Rujukan Cukai tidak perlu mendapatkan surat penyelesaian. Walau bagaimanapun, pembayar cukai diminta membuat semakan dengan LHDNM kerana kemungkinan nombor rujukan sementara telah didaftarkan. Keterangan lanjut berkenaan perkara ini boleh dirujuk kepada surat bertarikh 15 Jun 2009 yang dihantar kepada persatuan akauntan.

Penggunaan Borang CP 7 masih boleh digunakan selepas tempoh moratorium.

## 4.6 Kenaikan Cukai Di Bawah Peruntukan Seksyen 103

Wakil persatuan akauntan memohon agar penalti tidak dikenakan ke atas Baki Cukai Kena Dibayar yang dibayar secara ansuran.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa seksyen 103 telah dipinda semasa Sistem Taksir Sendiri dilaksanakan di mana kenaikan cukai 10% dikenakan atas Baki Cukai Kena Dibayar yang gagal dibayar pada tarikh akhir pengemukaan borang. Pembayar cukai sepatutnya tidak mempunyai masalah pembayaran baki cukai kerana cukai telah dibayar terlebih dahulu mengikut CP500 atau CP204. Bagi kes CP204, pembayar cukai mempunyai tempoh 6 bulan selepas ansuran terakhir untuk membuat bayaran ansuran sebelum tarikh akhir pengemukaan borang.

Walau bagaimanpun, LHDNM berkemungkinan akan meluluskan sesuatu kes tertentu yang mempunyai alasan kukuh bergantung pada merit kes.

**4.7 Kes Audit**

4.7.1 Dr. Veerinderjeet memaklumkan bahawa terdapat kes di mana pembayar cukai diminta menandatangani borang standard pengakuan tidak menyimpan rekod yang lengkap selepas audit dijalankan walaupun bagi kes tiada penemuan audit.

4.7.2 Jabatan Pematuhan Cukai memaklumkan bahawa keadaan ini bukan amalan biasa LHDNM. Dr. Veerinderjeet disarankan untuk memaklumkan cawangan mana yang mengambil tindakan sebegini agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

4.7.3 Wakil persatuan akauntan juga memaklumkan bahawa Unit Audit Luar Cawangan Jalan Duta telah mengeluarkan surat kepada pihak ketiga (pembekal) untuk memohon Pengesahan Jualan / Penerimaan Bayaran daripada pembayar cukai yang diaudit. Maklumat yang dikehendaki termasuk:

(i) Penyata bulanan / lejar perdagangan untuk 3 tahun atau;

(ii) Senarai lengkap tarikh, no. Invois dan jumlah invois untuk 3 tahun atau;

(iii) Salinan dokumen-dokumen lain yang menunjukkan transaksi tersebut

4.7.4 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Cawangan Klang juga mendapatkan pengesahan maklumat seperti ‘Tahun’ dan ‘Jumlah’ daripada pihak ketiga.

4.7.5 Dr. Veerinderjeet berpendapat bahawa proses audit adalah sulit kerana sesetengah pembekal akan mengelak dari pembayar cukai yang sedang/telah diaudit.

4.7.6 YBhg Dato’ Pengerusi bersetuju bahawa peniaga-peniaga adalah sensitif dan akan beranggapan negatif terhadap perniagaan yang telah diaudit. Walau apapun, proses audit mesti mengikut rangka kerja audit. Pembayar cukai sepatutnya mengetahui hak dan tanggungjawab masing-masing. Wakil persatuan bolehlah menghubungi YBhg Dato’ Pengerusi melalui e-mel sekiranya mendapati pegawai LHDNM bertindak di luar rangka kerja audit yang telah ditetapkan.

4.7.7 En. Mohammad Sait menegaskan bahawa audit pihak ketiga boleh dilakukan tetapi biasanya berasaskan *sampling* sahaja. Beliau juga memaklumkan bahawa, di bawah STS, semua pembayar cukai akan diaudit dan, sekiranya tenaga kerja LHDNM sudah mencukupi, audit menjadi satu perkara biasa. Oleh yang demikian, pandangan negatif terhadap pembayar cukai yang diaudit akan berkurangan. Apa yang perlu ialah orang awam diberi kesedaran bahawa audit merupakan sebahagian daripada STS.

**Tindakan: JPC**

## 4.8 Penalti Subseksyen 112(3)

4.8.1 Wakil persatuan berpendapat bahawa kadar penalti kelewatan pengemukaan borang nyata di bawah peruntukan subseksyen 112(3) adalah tidak konsisten dan sepatutnya tidak perlu dikenakan kerana pembayar cukai telah membuat bayaran cukai terlebih dahulu melalui bayaran ansuran.

4.8.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa kenaikan cukai di bawah seksyen 103 dan penalti subseksyen 112(3) adalah berbeza iaitu:

| Seksyen | Kesalahan |
|---|---|
| 103 | 1. Lewat/tidak membayar cukai/baki cukai kena dibayar |
| | 2. Tindakan perundangan: sivil |
| 112(3) | 1. Lewat/tidak mengemukakan borang nyata (tidak kira sama ada cukai/baki cukai telah dibayar atau tidak) |
| | 2. Tindakan perundangan: jenayah |

4.8.3 YBhg Dato' Pengerusi memberitahu bahawa kadar penalti subseksyen 112(3) adalah berdasarkan bilangan kesalahan dan boleh didapati di laman web LHDNM di bawah tajuk "Undang-Undang Dan Peraturan", "Kesalahan Penalti Dan Kompaun".

## 4.9 Pengemukaan Borang Nyata

4.9.1 Pengarah Jabatan Pemprosesan Maklumat memaklumkan terdapat kes di mana Tarikh Akuan adalah selepas tarikh penerimaan LHDNM. Keadaan ini telah menyulitkan pemprosesan borang di mana sistem tidak dapat menerima kes-kes sebegini. Pembayar cukai diperingatkan bahawa Tarikh Akuan mesti **sama atau sebelum** tarikh penghantaran.

4.9.2 Kekerapan berlakunya kesalahan mengisi Tarikh Mula Akaun dan Tarikh Tutup Akaun dalam borang nyata bagi kes di mana tempoh asas dan tempoh perakaunan perniagaan adalah berlainan. Penerangan ke atas pengisian Tarikh Mula Akaun dan Tarikh Tutup Akaun boleh didapati dalam FAQ dan juga buku panduan.

Petikan dari Buku Panduan Borang C 2009:

<table>
<tr><td>Tarikh mula akaun</td><td colspan="2">Tarikh mula tahun kewangan syarikat untuk tahun taksiran semasa. Sila rujuk contoh-contoh di ruang VIII.</td></tr>
<tr><td rowspan="4">Tarikh tutup akaun</td><td colspan="2">Tarikh tutup tahun kewangan syarikat.<br>Jika syarikat menukar tarikh tutup akaunnya, sila isikan tarikh tutup akaun yang betul di ruang VIII.</td></tr>
<tr><td>Contoh 1:</td><td>Tempoh perakaunan biasa dari 1.1.2009 hingga 31.12.2009 telah ditukar kepada 1.1.2009 hingga 30.6.2010.<br>Oleh itu, tarikh mula dan tutup akaun yang perlu diisi di Ruang VII dan VIII adalah 1.1.2009 dan 30.6.2010.</td></tr>
<tr><td>Contoh 2:</td><td>Syarikat menukar tempoh perakaunannya dari 1.1.2009 hingga 31.12.2009 kepada:-<br>1.1.2009 hingga 30.9.2009,<br>1.10.2009 hingga 30.9.2010<br>dan seterusnya hingga 30 September setiap tahun.<br>Walaupun pengiraan cukai masih mengambil kira tempoh asas dari 1.1.2009 hingga 31.12.2009 tetapi syarikat perlu mengisi tarikh mula dan tutup akaun seperti berikut:-<table><tr><td><u>Tahun Taksiran</u></td><td><u>Tarikh Mula Akaun</u></td><td><u>Tarikh Tutup Akaun</u></td></tr><tr><td>2009</td><td>01/01/2009</td><td>30/09/2010</td></tr><tr><td>2010</td><td>01/10/2009</td><td>30/09/2010</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Contoh 3:</td><td><u>Pembubaran Syarikat</u><br>Sebuah syarikat yang mempunyai tempoh perakaunan dari 1.1.2009 hingga 31.12.2009, mula dibubarkan pada 15.3.2009. Borang 75 pertama dan kedua disediakan seperti berikut:-<br>15.3.2009 hingga 14.9.2009<br>15.9.2009 hingga 14.3.2010<br>Tempoh asas yang diambil kira untuk tujuan pengiraan cukai masih dari 1.1.2009 hingga 31.12.2009 tetapi syarikat dikehendaki mengisi tarikh mula dan tutup akaun seperti berikut:-<table><tr><td><u>Tahun Taksiran</u></td><td><u>Tarikh Mula Akaun</u></td><td><u>Tarikh Tutup Akaun</u></td></tr><tr><td>2009</td><td>15/09/2009</td><td>14/03/2010</td></tr><tr><td>2010</td><td>15/09/2009</td><td>14/03/2010</td></tr></table></td></tr>
</table>

### 4.10 Cap Akuan Terima Tanpa Prasangka

4.10.1 Pengarah Jabatan Pemprosesan Maklumat juga memberitahu bahawa terdapat sebahagian ejen cukai yang mengambil kesempatan untuk meminta Cap Akuan Terima Tanpa Prasangka daripada kaunter yang sibuk terutama pada waktu puncak, di mana:

(i) senarai pembayar cukai dicap penerimaan tetapi kesemua borang nyata asal tidak dikemukakan.

(ii) fotokopi muka pertama borang dikemukakan untuk dicap akuan penerimaan, tetapi borang asal tidak diisi dengan lengkap.

(iii) cap tarikh akuan penerimaan pada salinan borang adalah berlainan dengan tarikh sebenar penerimaan borang nyata asal di JPPM, di mana tarikh penerimaan borang nyata asal adalah **selepas** tarikh akhir pengemukaan borang, manakala tarikh yang dicap pada salinan borang adalah **sebelum** tarikh akhir pengemukaan borang.

4.10.2 Encik Mohammad Sait mengingatkan bahawa Cap Akuan Penerimaan hanya untuk pengesahan penerimaan borang dan bukan pengesahan borang telah diisi dengan betul dan lengkap.

4.10.3 Dr. Veerinderjeet menyarankan agar melaporkan kesalahan sebegini yang dilakukan oleh ejen cukai supaya tindakan boleh diambil terhadap lesen ejen cukainya. LHDNM bolehlah melaporkan kepada persatuan akauntan sekiranya kesalahan ini dilakukan oleh ahli persatuan akauntan.

4.10.4 YBhg Dato’ Pengerusi berpendapat bahawa Cap Akuan Penerimaan adalah membebankan terutama pada waktu puncak dan mencadangkan agar amalan ini diberhentikan. Pengarah Jabatan Pemprosesan Maklumat diminta mengaturkan mesyuarat dengan Jabatan Dasar Percukaian, Jabatan Pematuhan Cukai dan Jabatan Undang-Undang yang akan dipengerusikan oleh YBhg Dato’ Pengerusi sendiri berkenaan isu ini.

**Tindakan: JPPM**

## 5. PENUTUP

Y. Bhg Dato’ Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menangguhkan mesyuarat pada pukul 12.00 tengah hari.